

**KERAJAAN MALAYSIA
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**



KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut

NO. SEBUT HARGA : **JPSWPKL (SH) / BKP / 01 / 2022**
TAJUK PROJEK : **PERKHIDMATAN SEWAAN KANTIN UNTUK JABATAN
PENGAIRAN DAN SALIRAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA
LUMPUR (BAGI TEMPOH DUA TAHUN) - TAWARAN SEMULA**

2. Pengusaha-Pengusaha yang ingin menyertai Sebut Harga ini hendaklah berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) di bawah bidang berikut :

Kepala : **Pengkhususan**
040103 : **Makanan Bermasak (ISLAM)**

3. Segala maklumat dan dokumen sebut harga boleh didapati semasa waktu pejabat di **Aras Bawah, Bahagian Ukur Bahan dan Kontrak, Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Jalan Sultan Salahuddin, 50626, Kuala Lumpur** mulai dari **12 Disember 2022 (Isnin)** hingga **19 Disember 2022 (Isnin)**.
4. Dokumen sebut harga ini hanya akan dikeluarkan kepada **PENGUSAHA** yang bertauliah dan membawa sijil pendaftaran **ASAL** yang dikeluarkan oleh **Kementerian Kewangan Malaysia** dan satu salinan bagi setiap sijil tersebut semasa mengambil dokumen sebut harga serta satu Salinan Kad Pengenalan.
5. Pengusaha yang ingin memasuki sebut harga di atas boleh mendapatkan dokumen secara **PERCUMA**.
6. Sebut harga ini akan diberi percuma pada **12 Disember 2022 (Isnin)** hingga **19 Disember 2022 (Isnin)** **sebelum jam 12.00 tengahari**.
7. Hanya pengusaha yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dan memenuhi kelayakan pengkhususan di atas sahaja boleh menyertai sebut harga ini.
8. Lawatan tapak **TIDAK DIWAJIBKAN**. Walaubagaimanapun pengusaha boleh melawat tapak dengan inisiatif sendiri dengan sentiasa mengambil perhatian dengan mematuhi langkah-langkah pencegahan COVID-19 dan penjarakan fizikal, penggunaan hand sanitizer serta pemakaian pelitup muka perlu diteruskan seperti yang telah ditetapkan oleh KKM dan MKN.
9. Sebut harga ini akan ditutup pada **19 Disember 2022 (Isnin)**. Dokumen sebut harga hendaklah diisikan dengan lengkap dan dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dengan dituliskan nombor sebut harga di sebelah atas kiri sampul tersebut serta dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran, Aras Bawah, Bahagian Ukur Bahan dan Kontrak, Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Jalan Sultan Salahuddin, 50626, Kuala Lumpur** tidak lewat dari jam **12.00 tengahari** pada hari tersebut.
10. Penyebut harga **boleh menghantar Dokumen sebut harga menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier** menggunakan alamat seperti di atas. Jika sebut harga ini dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, Penyebut harga hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan seperti di atas **sebelum atau pada Tarikh Tutup sebut harga selewat-lambatnya pada pukul 12.00 tengahari**. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

PERHATIAN : 1. Pengusaha Hendaklah Sentiasa Mengambil Perhatian Dan Mematuhi Langkah-Langkah Pencegahan Covid-19 Dan Penjarakan Fizikal Oleh KKM Dan MKN Semasa Pembelian dan Penghantaran Dokumen Sebut Harga Ke JPSWPKL.

.....
Nama **H. MOHD. AZMIN BIN HUSSIN**
Jawatan **Pengarah**
Tarikh **6/12/22**
**Jabatan Pengairan Dan Saliran
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**